

23 JUL 1996

UMNO KELANTAN SUSUN STRATEGI BARU

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- UMNO Kelantan telah menyusun strategi baru dalam usahanya menawan kembali tampuk pemerintahan negeri itu daripada PAS berikutan pergolakan yang berlaku dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU) sekarang.

Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Annuar Musa, hari ini berkata beliau telah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bagi menerangkan tentang pergolakan politik yang berlaku di negeri itu dan telah mendapat nasihat Perdana Menteri mengenai pendekatan yang harus digunakan dalam menghadapi keadaan itu.

Beliau bagaimanapun enggan memberikan butiran lanjut mengenai pertemuannya dengan Dr Mahathir dan berkata pertelingkahan yang berlaku antara PAS dan Parti Melayu Semangat 46 (S46) merupakan urusan dalaman mereka sendiri dan UMNO Kelantan tidak akan mengambil kesempatan daripada keadaan itu.

Pergolakan berlaku apabila PAS yang selama ini berkongsi kuasa pemerintahan negeri Kelantan dengan S46 menerusi APU, pada 14 Julai memutuskan hubungan kedua-dua parti itu dan berikutan itu Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat melucutkan portfolio empat anggota Exco Kerajaan Negeri daripada S46.

Annuar mengingatkan anggota UMNO Kelantan supaya jangan mengharap pertelingkahan yang berlaku sekarang antara PAS dan S46 akan membawa jalan mudah bagi mereka menawan semula negeri itu.

"Apa yang perlu sekarang ialah semua anggota UMNO bekerja lebih keras dan mempertingkatkan disiplin parti dan banyak bersabar dalam mencapai matlamat parti," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan mesyuarat agung ke-12 Koperasi Pekebun Getah Nasional Berhad di sini.

Mengenai kerjasama UMNO dan S46, Annuar mengulangi bahawa ada perkara-perkara tertentu yang kedua-dua pihak bersependapat, kerjasama boleh diadakan seperti isu penswastaaan bekalan air negeri serta kegagalan kerajaan negeri menunaikan janji semasa kempen pilihan raya lepas. --

BERNAMA

AKT OBA